

PROJEK

1977

JOHOR BAHRU, 28 APRIL (BERNAMA) — BAHAGIAN PERANCANG DAN PENYELIDIKAN DI KEMENTERIAN PELAJARAN AKAN MENJALANKAN SATU PROJEK MENGUMPULKAN DATA BERTUJUAN MEMPERKEMASKAN LAGI SETIAP PROJEK PELAJARAN YANG AKAN DILAKSANAKAN.

TIMPALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD, JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN KEBANGSAAN KALI KE-16 PENGETUA-PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA BARAT DISINI HARI INI.

SERAMAI 600 ORANG PESERTA HADIR DI PERSIDANGAN ITU.

KATANYA, PROJEK TERSEBUT AKAN MENGUMPUL DATA DAN MAKLUMAT SECARA LEBIH KEMAS DARI SEMUA SEKOLAH, MURID DAN GURU-GURU DI SELURU SEMENANJUNG.

BELIAU BERKATA DENGAN ADANYA PROJEK ITU PIHAK KEMENTERIAN AKAN DAPAT MENGETAHUI BERBAGAI ASPEK DAN JENIS KEMUDAHAN PELAJARAN DAN TENAGA TADBIR SERTA PENGAJAR YANG TERDAPAT DI SEKOLAH-SEKOLAH. — BERSAMBUNG 1250/SZ

PROJEK 2 JOHOR BAHRU

228

MENURUT BELIAU DENGAN ADANYA DATA DAN MAKLUMAT ITU SETIAP PERANCANGAN PELAJARAN DAPAT DILAKSANAKAN LEBIH TERATUR.

KATANYA, PROJEK ITU DIJANGKA DAPAT DIJALANKAN BULAN OGOS INI.

BELIAU MENAMBAH, DENGAN DEMIKIAN PEMBAZIRAN WANG RAKYAT DAPAT JUGA DIELAKKAN DISAMPING MENGATASI MASALAH KECICIRAN.

DR. MAHATHIR BERKATA RANCANGAN MENGUMPULKAN MAKLUMAT BAGI KAKITANGAN PROFESYENAL DI KEMENTERIAN PELAJARAN DAN JABATAN PELAJARAN AKAN JUGA DIJALANKAN.

KATANYA, KEMENTERIAN JUGA SEDANG MENIMBANGKAN SAMADA RANCANGAN YANG SAMA DAPAT DIJALANKAN DI NEGERI SABAH DAN SARAWAK.

BELIAU YAKIN PROJEK ITU AKAN DAPAT MEMBERI FAEDAH BAGI MEMAJUKAN LAGI SISTEM PELAJARAN DI NEGARA INI. — BERSAMBUNG 1257/S

PROJEK 3 JOHOR BAHRU

BELIAU BERKATA KERAJAAN AKAN TERUS MEMBELANJAKAN WANG YANG BESAR DALAM USAHA MENINGGIKAN MUTU PELAJARAN SEJAJAR DENGAN PERKEMBANGAN PELAJARAN YANG PESAT BERLAKU.

KATANYA, BAGAIMANAPUN KERAJAAN BERHATI-HATI TERHADAP SUMBER KEWANGAN YANG TERHAD DALAM MELAKSANAKAN RANCANGANNYA.

+KETIKA INI NEGARA SEDANG BERADA DI DALAM TAHUN KE TUJUH DALAM PELAKSANAAN DASAR EKONOMI BARU, DAN MEMPUYAI 13 TAHUN LAGI UNTUK BERUSAHA BAGI MENCAPAI MATLAMAT DASAR TERSEBUT DALAM TAHUN 1990,

+PADA HEMAT SAYA JANGKA WAKTU 13 TAHUN TIDAKLAH BEGITU PANJANG DAN APA YANG AMAT PERLU KITA TUMPUKAN SEKARANG JALAH MENILAI SEMULA KEMAJUAN YANG TELAH TERCAPAI, + KATANYA.

BELIAU BERKATA RAKYAT HENDAKLAH MELIPATGANDAKAN USAHA DAN TENAGA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT DASAR ITU. — BERSAMBUNG 1300/SZ

££

1541

PROJEK 4 JOHOR BAHRU

KATANYA, ADALAH MENJADI CITA-CITA NEGARA UNTUK MELAHIRKAN SEBUAH MASYARAKAT YANG BERPELAJARAN, BERSATUPADU, BERMORAL, BERTANGGUNGJAWAB DAN BERDISIPLIN.

MENURUT BELIAU HANYA MASYARAKAT YANG BERDISIPLIN DAPAT MENGEKALKAN SERTA MENINGGIKAN LAGI KEMAJUAN YANG DICAPAI OLEH SEBUAH NEGARA.

+MELALUI DISIPLIN KEMAJUAN DI BIDANG PELAJARAN DAPAT DICAPAI DAN MELALUI DISIPLIN JUGA SEMANGAT PERPADUAN TIDAK MUDAH RETAK, MALAHAN BERTAMBAH KUKUH.

+DISIPLIN JUGA DAPAT MENJAMIN SESEORANG BERSIKAP DEDIKASI, BERTANGGUNGJAWAB DAN BERAKHLAK MULIA, + TAMBAH BELIAU.

DR. MAHATHIR BERKATA GURU-GURU BESAR HENDAKLAH JUGA BETUL-BETUL MEMAHAMI TENTANG DASAR KERAJAAN DAN KONSEP PEMBANGUNAN NEGARA SEPERTI TERKANDUNG DALAM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA. -- BERSAMBUNG 1303/SZ

££

1542

PROJEK 5 JOHOR BAHRU

KATANYA, ADALAH AMAT SUSAH UNTUK SESEORANG ITU MEMIMPIN ATAU DIPIMPIN SEKIRANYA IA TIDAK MEMAHAMI TENTANG DASAR-DASAR KERAJAAN.

BELIAU BERKATA PERANAN DAN TUGAS GURU BESAR JUGA PENTING, SEPERANG PENYELEWENGAN MAHUPUN DARI SEGI PENTADPIRAN, SALAHGUNA KUASA DAN KERUNTUHAN AKHLAK AKAN MELEMAHKAN SEGALA USAGA KE ARAH PEMBENTUKAN MASYARAKAT YANG PROGRESIF, MAKMUR, BERSATUPADU, BERTANGGUNGJAWAB, BERMORAL DAN BERDISIPLIN.

TERDAHULU, YANG DIPERTUA PKPSM, ENCIK B. PARBHAI SINGH DALAM UCAPANNYA BERKATA TARAF DISIPLIN DI KALANGAN MURID-MURID SEKOLAH SEJAK AKHIR-AKHIR INI ADALAH AGAK MEMBIMBANGKAN.

TAMBAHNYA, AKIBAT DARI KEMEROSOTAN DISIPLIN INI, MENYEBABKAN KERUNTUHAN AKHLAK DI KALANGAN SETENGAH-SETENGAH MURID SEKOLAH.

BELIAU MENEGASKAN, IBUBAPA DAN MASYARAKAT JUGA MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB PENTING TERHADAP PENDIDIKAN ANAK-ANAK MEREKA DAN BUKAN HANYA GURU-GURU SAHAJA. -- BERNAMA 1305/SZ